

**Agong Berangkat Ke Majlis Tahlil Sempena Ulang Tahun Ke-79 Ramd
Bernama
26 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berangkat menghadiri majlis tahlil dan doa selamat sempena sambutan ulang tahun ke-79 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) di Masjid Angkatan Tentera di sini malam Khamis.

Keberangkatan tiba Seri Paduka pada 7.15 malam disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Zulkifle Mohd Zin, Panglima Tentera Darat, Datuk Zulkifli Zainal Abidin dan Pengerusi RAMD, Lt Jen Datuk Zulkiple Kassim.

Majlis itu yang dipimpin oleh Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera Datuk Mustapha Abdul Manaf diadakan selepas solat Maghrib.

Ia turut dihadiri kira-kira 1,300 pegawai dan anggota RAMD.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662195>